



DR Salleh (empat dari kanan) dan Jawatankuasa Liga Bola Jaring IPT 2013 bersama trofi.

Medan pemilihan ke Kejohanan Bola Jaring Universiti Asean

Kuala Lumpur: Liga Bola Jaring IPT 2013 menjadi medan pemilihan pemain ke Kejohanan Bola Jaring Universiti Asean yang berlangsung di Universiti Malaya (UM), September ini.

Pengarah Sukan UM, Prof Madya Dr Mohd Salleh Aman berkata, liga anjuran UM di lima zon termasuk satu grand final itu menjanjikan saingan kompetitif semua pasukan.

"Kami menjadikan liga ini sebagai medan pemain merebut tempat mewakili negara ke kejohanan Asean dan saya pasti saingan sengit ditampilkan setiap pasukan," kata Mohd Salleh.

Liga itu bermula di Zon Tengah Utara iaitu di UM pada 20-24 Februari ini, di-

ikut Zon Selatan, Politeknik Nilai (14-17 Mac), Zon Utara, Universiti Malaysia Perlis (28-31 Mac), Zon Timur, Universiti Sultan Zainal Abidin (11-14 April) dan Zon Tengah Selatan, Universiti Putra Malaysia (24-28 April) dan empat pasukan teratas setiap zon layak ke Grand Final di UM pada 8-12 Mei.

Dengan yuran RM500 dikenakan kepada setiap pasukan IPTA, IPTS, Kolej Komuniti dan Politeknik yang mengambil bahagian, juara setiap zon akan membawa pulang hadiah wang tunai RM2,000 berserta medal, manakala juara Grand Final RM5,000.

Meskipun dianjur di lokasi berbeza pada setiap zon, UM bertanggungjawab memain-

kan peranan sebagai pe-nanganjur, dengan lokasi di-sediakan universiti lain.

Malah bagi memastikan setiap pasukan mempunyai peluang seimbang untuk muncul juara, penganjur menetapkan setiap pasukan hanya boleh menamakan tiga pemain kebangsaan ber-aksi dalam satu pasukan pada satu-satu masa, wajib menurunkan empat pemain yang tidak berpengalaman mewakili negeri dan ke-bangsaan, serta menyena-raikan pemain yang terdiri daripada pelajar asing, dua orang.

Setiap pasukan (IPT) di-tetapkan beraksi di zon ter-tentu dan tidak boleh ber-aksi di dua zon dengan pe-main pasukan yang sama.